

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Wednesday, 20 September, 2017 4:41 PM
To: UUM - All Staff
Subject: NCRC TELAH MENERIMA GERAN NBOS - UCTC DAN MEMBUKA PELUANG AHLI AKADEMIK MENJALANKAN PROJEK BERIMPAK TINGGI KEPADA KOMUNITI DI NCER



RABU, 20 SEPTEMBER 2017 | 29 ZULHIJAH 1438H
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"



NCRC ONLINE - Satu majlis penghargaan dan penyampaian surat tawaran telah diadakan bagi meraikan ahli akademik yang menerima Geran NBOS daripada Kementerian Pengajian Tinggi dibawah inisiatif University Community Transformation Centre (UCTC).

Geran yang telah dibuka awal tahun ini kepada semua ahli akademik bertujuan untuk menggalakkan pakar-pakar daripada institusi pengajian tinggi dengan kerjasama agensi luar iaitu kerajaan atau swasta untuk bersama menyumbang bagi mentransformasikan masyarakat sekitar.

Projek yang ditawarkan geran NBOS ini telah menepati kriteria yang digariskan oleh pihak kementerian iaitu projek perlulah berimpak tinggi, penggunaan kos rendah, pelaksanaan pantas dan

projek yang mapan. Bagi tahun 2017, NCRC telah menerima empat (4) projek geran NBOS keseluruhannya berjumlah RM44,900.00 untuk menjalankan projek berteraskan pemindahan ilmu dengan penglibatan komuniti.

Penawaran geran ini mengikut kitaran yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Dalam kitaran pertama pada Mei tahun ini, satu (1) projek telah diterima oleh iaitu Projek Merekabentuk Sistem Penuaian Air Hujan Di Kawasan Luar Bandar yang telah diketuai oleh Sr Dr. Mohd Nazaruddin Yusoff.

Bagi kitaran kedua untuk bulan Ogos, NCRC berjaya menerima tiga (3) lagi projek geran NBOS adalah Projek Baik Pulih Pusat Aktiviti Seni Khat yang telah diketuai oleh Dr. Mardzela Makhsin. Manakala dua lagi projek, diketuai oleh Dr. Juhaida Abu Bakar iaitu Penjanaan Seni Kreatif (Barangan Kitar Semula Dan Terpakai) Dan Pemasaran Melalui E-Business dan Projek Pengkomersilan Telekung.

Kesemua projek ini menyumbang kepada komuniti yang berbeza di kawasan NCER iaitu di Perkampungan KEDA Bukit Lada, Perkampungan KEDA Jabi dan Sekolah Menengah Agama Al-Alawiyah Al-Diniah, Arau, Perlis. Projek-projek ini dilihat dapat memberi manfaat dengan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar secara tidak langsung dapat peningkatan pendapatan sampingan mereka.

Pengarah NCRC berharap projek yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada komuniti dan pengendalian projek perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, berdisiplin, beretika diiringi tahap profesionalisme yang tinggi. Aktiviti ini telah memperlihatkan wujudnya *community engagement* (CE) yang mengurangkan sempadan diantara warga kampus dan komuniti setempat seperti yang di hasratkan oleh Perdana Menteri dalam inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

Tamat.

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.